

**Rumah sewa siswa sarang edar ganja**

14 Disember 2017

→ **JENAYAH****Rumah sewa siswa sarang edar ganja**

→ Pelajar universiti ditahan bersama tiga rakan

**Oleh Fitri Nizam**  
bhkt@bh.com.my

✦ Kuala Terengganu

**K**elicikan seorang penuntut sebuah universiti awam (UA) dekat Kuala Nerus di sini, menyeludup ganja dari negara jiran sebelum mengedarnya dalam kalangan rakan sekampus dan penduduk setempat, berakhir apabila ditahan polis, kelmarin.

Suspek berusia 22 tahun yang juga penuntut tahun akhir itu ditahan bersama tiga rakan seru-



[FOTO MOHD SYAFIQ RIDZUAN AMBAK/BH]

**Idris (dua dari kiri) bersama pegawai polis** menunjukkan ganja yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu, semalam.

mahnya yang juga pelajar universiti sama, berusia 21 hingga 24 tahun, pada jam 10.30 pagi.

Mereka ditahan di sebuah rumah di Jalan Mengabang Telipot di sini, selepas polis mendapat maklumat berhubung aktiviti pengedaran dadah di rumah sewa berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Idris Abd Rafar, berkata polis yang memeriksa rumah berkenaan menemui ganja seberat hampir satu kilogram masih dalam proses pembungkusan.

“Berdasarkan soal siasat, penun-

tut itu mengakui mengambil ganja dari negara jiran melalui pangkalan haram, sebelum menjadikan rumah sewa terbabit sebagai tempat pembungkusan dan pengedaran.

**Peroleh dari negara jiran**

“Polis juga mendapati suspek membungkus dadah itu dalam berat 25 dan 65 gram untuk dijual pada harga RM10 hingga RM50 kepada pelanggan, dipercayai penuntut UA sama dan penduduk setempat.

“Suspek turut mengaku mela-

kukan kegiatan itu bersendirian dan mula menjual dadah sejak September lalu,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Idris berkata, ujian saringan air kencing mendapati semua penuntut yang ditahan, positif ganja.

“Polis turut merampas sebuah kereta dan wang tunai RM400 daripada suspek, dipercayai hasil jualan dadah berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, semua suspek direman selama tujuh hari sehingga Sabtu ini untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.